

08 AUG 2002

Air-Rundingan/I (Fokus Berita)

RUNDINGAN SUKAR BAGI M'SIA-S'PURA PADA 2 SEPT

Oleh: Salbiah Saaid

SINGAPURA, 9 Ogos (Bernama) -- Rundingan antara Malaysia dan Singapura mengenai isu air yang dijual ke republik itu pada 2 Sept sudah pasti bukan mudah.

Jika dilihat pelbagai kenyataan yang dibaut oleh pemimpin kedua-dua negara itu sejak sebulan lepas, kedua-dua pihak perlu bijak dalam menangani isu prickly itu yang merupakan sabahagian daripada pakej isu-isu dua hala tertunda antara Malaysia dan Singapura.

Pada rundingan dua hari itu, Singapura akan diwakili oleh Menteri Luar S. Jayakumar sementara pasukan Malaysia akan diketuai oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Mesyuarat pertama menteri-menteri berlangsung dari 1-2 Julai di Kuala Lumpur, yang sebenarnya sebahagian daripada proses mesyuarat pelbagai peringkat yang diadakan sejak 1998, tetapi ia hanya berakhir dengan jalan buntu.

Harga air merupakan masalah paling thorniest antara kedua-dua negara itu, yang akan bertemu di sini pada September untuk menyelesaikan pakej isu-isu kompleks termasuk rancangan bagi jambatan baru untuk menghubungkan kedua-dua negara dan penggunaan ruang udara Malaysia oleh jet-jet Singapura.

Singapura, yang bergantung kepada Malaysia bagi separuh daripada bekalan airnya bagi kegunaan penduduk dan industri di negara itu, mahukan harga air itu diikat pada peraturan kos air yang dikitar semula, NEWater, apabila perjanjian sedia ada tamat tempohnya.

Semasa mesyuarat sejam di Istana di sini, pada Isnin, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong memberitahu Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Hal Ehwat Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata republik itu tidak akan memperbaharui Perjanjian Air 1961 kerana ia mahu mengurangkan pergantungannya kepada air dari Malaysia. Perjanjian itu akan luput tempohnya pada 2011.

Semasa bercakap kepada wartawan Malaysia, Muhyiddin berkata republik itu telah memutuskan untuk mengurangkan pergantungannya kepada air yang diimport kepada lebih kurang 20 peratus daripada jumlah keperluannya dalam tempoh 20 hingga 30 tahun. Pulau itu membina dua logi untuk mengeluarkan 15 juta gelen air yang dikitar semula setiap hari dan mempunyai rancangan untuk membina satu logi penyahmasin air laut.

Sebagai reaksi kepada kenyataan itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari berikutnya berkata Malaysia keruigian kerana jualan air ke Singapura dan tidak kisah jika kedua-dua perjanjian itu tidak diperbaharui dan lebih baik republik itu menghentikan segera pembelian air dari republik itu.

Di bawah dua perjanjian itu yang termaktub dalam Perjanjian Perpisahan 1965, Singapura membayar Malaysia tiga sen bagi setiap 1,000 gelens air mentah. Malaysia telah bercadang untuk menaikkan harga air itu kepada 60 sen bagi setiap seribu gelen antara 2002 dan 2007. Daripada 2007 hingga 2011, Malaysia meminta RM3 bagi setiap seribu gelen.

Singapura telah menawarkan untuk membayar 45 sen bagi setiap 1,000 gelen air apabila perjanjian pertama luput tempohnya pada 2011 dan 60 sen selepas perjanjian kedua (Perjanjian Air 1962) tamat tempohnya pada 2061 dengan pelarasan setiap lima tahun.

Dr Mahathir juga dipetik sebagai berkata yang Malaysia lebih suka menjual airnya dalam negeri, dengan berkata Melaka, sebagai contoh sedia

membayar antara 30 sen dan 40 sen bagi setiap 1,000 gelen.

Sementara itu, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman berkata, semasa rundingan 1 Julai di Kuala Lumpur, Singapura dimaklumkan yang Johor akan mengambil alih tiga logi rawatan air yang dimiliki oleh Lembaga Kemudahan Awam Singapura (PUB) di Gunung Pulai, Sungai Skudai dan Sungai Tebrau di Johor apabila perjanjian itu tamat pada 2011.

Beliau berkata Johor telah membuat persiapan untuk memastikan bekalan air bersih yang mencukupi apabila ia menghentikan pembelian daripada Singapura. Ini termasuk pembinaan satu empangan bernilai RM649 juta di Semanggar, Kota Tinggi, yang bermula pada 2000.

Loji Semanggar, yang mempunyai kapasiti untuk mengeluarkan 160 juta liter air yang dirawat setiap hari untuk menampung kegunaan penduduk di Johor Bharu, Kota Tinggi dan Pontian dijangka siap menjelang hujung tahun ini.

Ghani berkata, Singapura kini membeli air mentah bernilai RM2 juta setahun dari Johor dan di sebaliknya, Johor membeli balik air yang dirawat pada kos RM6 juta setahun.

Johor menjual 910 juta liter air mentah ke Singapura dan membeli balik 130 juta liter air yang dirawat daripada republik itu.

Air mentah dijual pada harga tiga sen bagi setiap 4,540 liter dan air yang dirawat dibeli pada harga 50 sen bagi isipadu yang sama menyebabkan Johor mengalami defisit sebanyak RM3.1 juta setiap tahun.

Sementara itu, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata Melaka membayar 45 sen bagi setiap 1,000 gelen air yang dibelinya dari Johor.

"Jika Melaka, sebuah negara jiran, boleh membelinya pada harga itu dari negeri jiran Johor, mengapa tidak Singapura...jika tidak lebih tinggi, sekurang-kurangnya pada harga yang sama?" yang beliau.

Mengenai cadangan Singapura menggunakan kos pemprosesan NEWater, sebagai asas dalam menentukan harga air, Muhyiddin berkata di Kuala Lumpur, "Saya rasa kita mempunyai kaedah lain."

Di persidangan berita di Singapura, Muhyiddin berkata sudah pasti sukar untuk merundingkan harga khasnya apabila republik itu merancang untuk mengikat NEWater dengan air asli. "Bagaimana anda boleh membandingkan dengan air asli dan air yang dikitar semula?", tanya beliau.

Bagaimanapun, Muhyiddin menjangkakan para pegawai Malaysia akan mengambil pendirian tegas semasa rundingan. "Saya rasa kita tidak akan bawerganjak, khasnya mengenai isu harga."

Menjelaskan kepada Bernama mengapa peraturan air itu merugikan Malaysia, satu sumber berkata kerajaan negeri tidak dibenarkan untuk menjalankan apa-apa pembangunan di kawasan-kawasan tadahan PUB Singapura yang terletak di Johor.

"Kita perlu mengekalkan kawasan-kawasan tadahan ini, dan jumlah yang dibelanjakan di kawasan-kawasan ini tidak diambil kira dalam kos air yang dirawat. Bahagian besar kos penyenggaraan di kawasan-kawasan ini ditanggung oleh kerajaan negeri, dengan bakinya ditanggung oleh Singapura.

Kerajaan negeri, kata beliau, menanggung kos, seperti menjaga kawasan sekeliling, covering aspects such environment dan perhutanan. Beliau menjangkakan kos penyenggaraan untuk mencapai 10 kali ganda.

Harga air sebanyak 3 sen yang dijual kepada Singapura tidak pernah dikaji semula sejak lebih 50 tahun lepas, katanya. "Jika anda memfaktorkannya dalam inflasi tahunan, katakan pada angka paling rendah sebanyak 2 peratus bagi tempoh 50 tahun, ia menunjukkan yang kita sebenarnya mengalami kerugian. Sebenarnya, harga 3 sen hanya satu token sum," kata beliau.

Sejak beberapa bulan kebelakangan ini, claim and counter claim berhubung keuntungan daripada deals, yang termasuk bekalan air yang telah

diraway daripada Singapura balik ke Johor, telah dipertingkatkan dengan kedua-dua pihak semakin dekat dengan kompromi.

Menggunakan NEWater sebagai bargaining chip bagi rundingannya, republik itu telah melancarkan kempen agresif untuk memujuk rakyatnya yang NEWater adalah lebih baik daripada apa yang mereka minium sekarang, dengan 60,000 botol diedarkan kepada orang ramai di National Day Parade today. (Aug 9).

-- BERNAMA

SS PR